

# Selita Brunei



DITERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DUA KALI SA-BULAN

DICETAK  
OLEH  
THE BRUNEI PRESS

Tahun 3 No. 3

15hb1. March, 1958

SULTAN BERTITAH DALAM MAJLIS MASHUARAT NEGERI

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, ketika - bertitah dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada bulan February yang lalu, telah menerangkan bahawa sekira - nya Perlambaga'an yang baharu itu berjalan kuat kuasa-nya akan di-adakan sa-buah Majlis Mashuarat Negeri dan lagi sa-buah Majlis Mashuarat Keraja'an.

Hal sademikian, tegas Baginda, ada-lah berbedza daripada ke'ada'an sekarang ini, dalam mana Majlis Mashuarat Negeri menjalankan kedua2 pekerja'an yang di-jalankan oleh Majlis Mashuarat, ya'ani "Legislative Council" dan Majlis Mashuarat Keraja'an, ya'ani "Executive Council".

Duli Yang Maha Mulia salanjut-nya menerangkan kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri itu berkenaan dengan tanggong jawab mereka bagi merundingkan perkara2 yang mustahk yang di-kemukakan kapada mereka untuk memberi nasehat.

Baginda juga bertitah bahawa Baginda berharap Ketua2 Pejabat2 Keraja'an dan Pegawai2 mereka yang bertanggong jawab untuk menyediakan Ranchangan2 dan sabagai-nya yang telah di-kemukakan kapada Majlis Mashuarat Negeri itu, bahawa hendak-lah mereka menentukan ia-itu mereka telah menjalankan penyiasatan2 dengan saluas2-nya sabelum Ranchangan2 itu di-kemukakan kapada Majlis Mashuarat Negeri dan juga hendak-lah Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 mereka yang berkenaan itu memberi penerangan2 yang lengkap dengan seberapa boleh kapada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

Perkara sachara ini, titah Baginda lagi, akan dapat-lah memberi kemudahan kapada Majlis Mashuarat Negeri itu bagi menjalankan mas'alah2 yang di-kemukakan kapada - nya.

PECHAH AMANAH

Sharif Hamid bin Tungku Sharif Masdok, Kerani di-Pejabat Store Keraja'an, Brunei telah di-bicharakan oleh Stipendiary Magistrate Mr R.G.P.N. Combe di-Mahkamah Bandar Brunei pada pagi 3hbl. March, 1958 atas tuduhan meniru surat-permuhanan memasukkan 2,000 guni padi, padahal yang sebenarnya 200 guni beras pulut.

Dalam pembichara'an itu Sharif Hamid tidak mengaku salah.

Pembichara'an di-gan-jakkan hingga lusa di-sebabkan saksi bagi pehak pen-da'wa belum lagi dapat di-peroleh.

--ooOoo--

Konsul-General Amerika Sharikat Mr Averu F. Peterson dengan di-iringi oleh 9 orang lagi telah tiba di-Lapangan Terbang Brunei dengan kapal terbang mereka sendiri dari Labuan pada pukul 11.37 pagi hari Rabu, 5hbl. March, 1958 dalam satu lawatan mereka yang tidak resmi.

Mereka telah terbang ke-Singapura hari itu juga kira2 pukul 4.56 petang.

Penolong Tetap Setia Usaha Rendah kapada Setia Usaha Negara Tanah2 Jajahan British, Mr E. Melville C.M.G. telah tiba di-Brunei pada 5hbl. March yang lalu. Beliau telah tinggal bersama2 dengan Yang Berhormat Tuan British Resident J.O. Gilbert C.M.G.

Ke-esokan hari-nya Tuan Melville telah mengadap DYMM di-Istana Darul-Hana, dan pada 8hbl. March telah berangkat ke-Borneo Utara dengan kapal terbang.

TETAMU2 TERKEMUKA MELAWAT

KA-BRUNEI

Pesuroh Jaya Perdagangan dan Custom bagi Borneo Utara, Mr R. Knowles telah melawat ka-Brunei baharu2 ini.

Samasa berada di-Brunei beliau telah tinggal bersama2 dengan Pengarah Custom dan Excise bagi Negeri Brunei, Mr R.E. Chater.

Pesuroh Jaya Perdagangan bagi United Kingdom di-Singapura, Mr A. Stout bersama istri-nya telah juga melawat ka-Brunei sadikit hari dahulu.

Dalam berada di-Brunei Mr Stout telah menghadziri dalam permashuaratan Brunei State Chamber of Commerce pada pada 3hbl. March.

## BAKAL2 GURU BRUNEI DI-KELANTAN

Gambar bawah menunjukkan 11 orang bakal2 guru yang telah pun bertolak dari Lapangan Terbang Brunei kerana menuntut dalam hal ehwal perguruan di-Maktab Perguruan di-Kota Baharu Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu, pada 5hb1. March, 1958. dengan kapal termang Borneo Airways.

PERKENALAN: (dari kiri) Abdul Murad bin Abd. Wahab, Mahmud bin Hussain, Yakub bin Mantok, Ak. Tajuddin bin Pg. Ahmad, Mohammad Zain bin Haji Mohiddin, Saidah binte Abd. Wahab, Mohiddin bin Ghani, Zainal Abiddin bin Mohammad. Mohammad bin Ismail, Abdul Razak bin Bungsu dan Ahmad bin Hussain.



----- - 0 - -----

Bergambar ramai passokan Pejabat Kerjaraya (bahagian Jalan) dengan passokan Police Brunei yang telah berjaya memasuki perlawanan yang terakhir bagi merebut piala perak "HARIMAU", anjoran dari BTAF Association, sabelum perlawanan di-mulakan pada petang 1 hbl. March, 1958 yang lalu.

Keputusan-nya passokan Pejabat Kerjaraya telah dapat mewaskan passokan Police dengan 2 gol berbalas 1.



MMN BERSETUJU MENGADAKAN SEKOLAH PERTANIAN DI-NEGERIINI

Di-antara ketetapan2 yang telah di-luluskan dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah berlangsung pada bulan February yang lalu ia-lah bagi mangadakan Sekolah Pertanian Negeri Brunei.

Chadangan ini datang-nya dari Pegawai Pertanian Negeri Brunei, Inche' Hamidoon bin Awang Damit.

Bagaimanapun, so'alan2 mengenai tujuan dan perbelanjaan Sekolah Pertanian yang di-chadangkan itu hendak-lah di-jalankan oleh sa-buah Jawatan Kuasa yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri dan Yang Berhormat Tuan British Resident, Brunei. Penyata yang di-sediakan oleh Jawatan Kuasa itu hendak-lah apabila siap nanti di-kemukakan kepada Majlis Mashuarat Negeri untuk pertimbangan.

Pegawai Pertanian Negeri Brunei, Inche' Hamidoon bin Awang Damit yang telah hadzir dalam persidangan tersebut untuk menjawab so'alan2 oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri itu berkenaan dengan chadangan yang datang dari-nya sendiri, menyatakan bahawa tempat yang akan di-gunakan bagi mendirikan Sekolah Pertanian itu ia-lah di-kawasan Tanah Simpanan Jabatan Pertanian di-Berakas Estate.

Yang Berhormat tuan British Resident, ketika memberi pendapat-nya berkenaan dengan chadangan tersebut, menyatakan bahawa miskipun Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei di-chadangkan akan di-bangunkan di-kawasan Berakas Estate juga, perkara memangunkan Sekolah Pertanian itu tidak-lah akan menjadi sabarang halangan.

.....

Satu perkara lagi yang telah mendapat keputusan dalam persidangan itu ia-lah bagi mengadakan alat2 pemadam api di-Kampong Ayer. Alat2 pemadam api hendak-lah di-pasangkan di-kawasan Kampong Ayer.

Majlis itu berpendapat ia-itu perkara ini akan dapat terbokti hujongan tahun ini, dan sementara itu di-persetujui pula membeli alat2 tempatan dengan harga yang murah dan ahli2 pemadam api hendak-lah di-tambah bilangan-nya.



Pemandangan-pe-mandangan dalam suasana menerimai pension kapada orang2 tua, yang di-anjorkan oleh pehak Keraja'an Brunei.

Di-sini kele-hatan orang2 tua di-Kampong Ayer Bandar Brunei sedang menerima bayaran pension-nya dari ketua kampong itu.



- GAMBAR 2

GBIS -

\* RESIDENT GILBERT AKAN BERSARA \*

Yang Berhormat Tuan J.O. Gilbert C.M.G., British Resident bagi Negeri Brunei akan bersara tidak berapa lama lagi dari Perkhidmatan Keraja'an Baginda Queen di-saberang laut salepas nanti beliau menyempornaka perchutan-nya pada bulan Agustus tahun ini.

Beliau di-jangka akan meninggalkan Brunei satelah dari beberapa hari tiba-nya Mr D.C. White O.B.E., O.S.S. yang akan menggantikan tempat beliau sebagai British Resident Brunei pada awal bulan July akan datang ini.

Mr White dulu-nya waktu Mr Gilbert berchuti pernah menjadi Pemangku British Resident Brunei dalam tahun 1956.

Tuan J.O. Gilbert telah dilahirkan di-England pada 21hbl. October, 1907.

Pada tahun 1928 beliau telah mulai berkhidmat di-Sarawak dan sejak tahun 1953 telah menjadi British Resident di-Brunei hingga sekarang.

Dalam Sinari Kehormatan Tahun Baru 1958 Tuan Gilbert telah di-anugerahi oleh Baginda Queen bintang martabat C.M.G.

--- ooOoo ---

Negeri Brunei, nama2 di-bawah ini telah di-lantek menjadi Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei untuk tahun 1958:

Tuan British Resident, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Tuan State Treasurer, Tuan Deputy Legal Adviser (kelima2 ini di-lantek atas nama jawatan), Pengiran Haji Mohammad Salleh, Pehin Dato Perdana Menteri, Mr R.E. Hales, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Mr George Newn Ah Foott, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohd. Salleh, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Pengiran Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud, Pehin Laksamana Haji Mohd. Taha, Pehin Jawatan Dalam Haji Mohd. Noor, Che'gu Marsal bin Maun dan Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Haji Mohamod Yassin.

\* JAWATAN KUASA BARU DI-LANTEK DALAM MMN \*

Dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang lalu telah dengan sabulat suara bersetuju melantek nama2 dibawah ini menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa untuk menyiasat dan melaporkan kapada Majlis Mashuarat Negeri mengenai chadang ngan mengadakan Sekolah Pertanian Brunei:

State Agricultural Officer (Pengurusi), Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri, Yang Berhormat Che'gu Marsal bin Maun, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud, Yang Berhormat Pehin Laksamana Haji Mohd. Taha, Che'gu A. Jamil bin Pehin Udana Khatib A. Umar dan Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim.

\* AHLI2 MMN YANG BARU \*

Atas persetujuan bersama Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan Tuan Yang Terutama Pesruoh Jaya Tinggi bagi

## KEJAYA'AN ANAK2 BRUNEI YANG GILANG GEMILANG

### Sembilan dari Sepuloh lulus Senior Cambridge

Tujuh orang anak Brunei yang telah masuk dalam ujian Senior Cambridge pada akhir tahun lepas berpusat di-SOAS College, Bandar Brunei buat pertama kali dalam tawarikh Brunei sejak dulu-dulu juga telah lulus. Chalon2 yang telah memasuki ujian ini berbilang sabanyak 8 orang yang berpusat di-Brunei dan lagi 2 orang berpusat di-Singapura. Kedua2 chalon di-Singapura telah lulus dengan mendapat Grade I dan Grade II.

Mereka2 yang lulus itu, yang telah berpusat di-SOAS College, Brunei ia-lah seperti berikut:

Yang mendapat Grade I - Che' Jusnani binte Lawi.

Yang mendapat Grade II - Zakaria bin Sulaiman, Rachael Daniel dan Eleanor Hottinger.

Yang mendapat Grade III - Abdul Aziz bin Umar, Mohd. Ali bin Mohd. Daud dan Mohd. Hassan bin Haji Yusuf.

Rosli bin Umar yang berpusat di-Raffles Institution, Singapura telah mendapat Grade I dengan kepujian dan Jaya bin Abdul Latif yang berpusat di-Bartley's Secondary School telah mendapat Grade II dengan kepujian juga. Jaya bin Abdul Latif juga telah lulus dalam Pepereksonan Federation of Malaya Certificate of Education yang juga telah di-adakan tahun lalu.

Kesemua mereka2 di-atas sementara menunggukan keputusan papereksonan tersebut yang baharu sahaja keluar baharu2 ini telah menjawat berkerja di-Pejabat2 Keraja'an di-Bandar Brunei.

### H A R I M U L A B E R P U A S A

Menurut satu keterangan yang telah di-keluarkan oleh Tuan Kadzi Besar Negeri Brunei baharu2 ini, sekira-nya pada petang hari Rabu 19hbl. March kelehatan anak bulan, maka hari mulai berpuasa jatuh kapada hari Khamis 20hbl. March.

Kalau sekira-nya anak bulan itu tidak nampak maka hari mulai berpuasa bagi seluruh umat Muslimin Negeri Brunei ia-lah hari Juma'at 21hbl. March ini.

## KA-PERSIDANGAN PEGAWAI PENERANGAN DAN RADIO DI-JESSELTON

Inche' Salleh Kadir, Penulang Pegawai Penerangan, Brunei telah berangkat ka-Jesselton, Borneo Utara dengan kapal terbang pada 11hbl. March, 1958 kerana menghadziri Persidangan Pegawai Penerangan dan Radio bagi Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang telah mengambil tempat di-Kota Belud, Borneo Utara, pada 12 hingga 14hbl. March kelamarin.

Beliau ini telah pergi mewakili Jabatan Penerangan Negeri Brunei dan Radio Brunei.

### PESUROH JAYA TINGGI DI-BRUNEI

#### JAM BERKERJA

Tuan Yang Terutama Sir Anthony Abell, Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei telah tiba di-Bandar Brunei dengan kapal terbang pada 11hbl March yang lalu.

Dalam masa yang singkat. Tuan Yang Terutama itu berda di-Brunei, beliau telah menghadziri Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam memperbinchangkan mengenai Perlambaga'an Bertulis Negeri Brunei.

Dalam bulan Puasa ini waktu berkerja di Pejabat2 Keraja'an di Bandar Brunei, Muara, Tutong dan Temburong ada mendapat sedikit perubahan.

Waktu jam berkerja pada tiap2 hari Ithnin hingga ka-hari Khamis dan juga pada hari Sabtu ia-lah mulai dari pukol 7.30 pagi terus hingga ka-pukol 2.15 petang.

Mulai dari 20hbl. March, 1958 ia-itu terus menerus dalam bulan Puasa, pemancharan Radio Brunei akan di-udara mulai jam 6.15 petang hingga waktu saat berbuka puasa di-isharatkan yang akan di-terbitkan dari Mesjid Besar Bandar Brunei.

Pemancharan seperti biasa pada pukol 7.30 petang akan berjalan terus dan tidak di-adakan apa2 perubahan.